

Headline	DBKU, FRIM rancang kerjasama wujud bandar raya dalam taman		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	14 May 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	MARLINDA MARDZUKI	AdValue	RM 293
Frequency	Daily	PR Value	RM 880



DBKU, FRIM rancang kerjasama wujud bandar raya dalam taman

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Isnin — Dewan Bandar Raya Kuching Utara (DBKU) merancang untuk mengadakan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam usaha mewujudkan bandar raya Kuching dalam taman.

Datuk Bandar DBKU, Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai berkata, rancangan itu merupakan sebahagian daripada perancangan lima tahun, Pelan Pengukuhan Kuching Bersih, Cantik dan Selamat (CBS).

Menurutnya, dengan adanya kepakaran daripada FRIM, rancangan untuk mewujudkan konsep bandar raya Kuching dalam taman diharap akan dapat direalisasikan.

“Oleh kerana kita mahu mewujudkan sebuah bandar yang dipenuhi dengan alam kehijauan, saya pasti konsep mewujudkan bandar raya Kuching dalam taman adalah bertepatan, memandangkan kawasan pentadbiran DBKU mempunyai banyak tanah kosong seperti di

kawasan bulatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas hadir pada majlis Simposium Kebangsaan Konservasi “Melestari Khazanah Warisan Negara” 2013 di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Abdul Wahap memberitahu, rancangan itu sedang dalam proses perbincangan bersama FRIM.

“Dengan adanya langkah sebegini, kita berharap ia bukan sahaja akan mencantikkan lagi bandar raya Kuching serta kawasan lain

di bawah pentadbiran DBKU tetapi akan menarik lebih ramai kedatangan pelancong domestik dan luar negara untuk melawat negeri Sarawak,” jelasnya.

Beliau menambah, pihaknya akan cuba untuk memohon peruntukan daripada kerajaan supaya rancangan untuk membina bandar raya Kuching dalam taman akan dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Operasi FRIM, Dr.Norini Haron.